

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, 23 April, 2019 8:33 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM – KEDA Jalin MoU Tingkat Kerjasama



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

23 APRIL 2019 / 17 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM – KEDA JALIN MoU TINGKAT KERJASAMA



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi meningkatkan kerjasama dalam penyelidikan, penasihat dan khidmat komuniti dalam majlis yang diadakan di Balai Tamu, Canselor semalam.

Majlis itu menyaksikan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim yang mewakili Naib Canselor menandatangani bagi pihak UUM sementara KEDA diwakili oleh Pengurus Besarnya, Muhd. Kameh Abdullah.

Prof. Dr. Yusnidah berkata objektif utama MoU antara UUM dan KEDA adalah untuk menjalankan penyelidikan bersama dan khidmat masyarakat oleh pelajar-pelajar UUM.

"Selain itu, program kerjasama ini juga menyediakan platform untuk para akademik berkongsi dan memindahkan ilmu di antara UUM dan KEDA melalui projek penerbitan dan latihan.

"Saya juga difahamkan bahawa para penyelidik dan pelajar UUM telah pun memulakan projek membantu usahawan KEDA dengan memberi tunjuk ajar dalam meningkatkan produktiviti dan prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui teknik pemasaran dan promosi digital," katanya.

Menurut beliau lagi sumbangan kepada komuniti merupakan salah satu fokus utama UUM.

"Kita telah memasukkan elemen *service learning* dalam sekurang-kurangnya satu kursus yang mana pelajar menggunakan ilmu di bilik kuliah untuk pergi kepada komuniti dan memberi sumbangan kepada komuniti.

"Bagi pihak UUM, saya berharap tenaga akademik di Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) dapat berkongsi ilmu serta kepakaran dengan pihak KEDA bagi memenuhi hasrat MoU yang dipersetujui bersama seterusnya dapat membantu KEDA membangunkan negeri Kedah.

"Saya berharap kerjasama ini dapat dikembangkan lagi bagi memberi lebih manfaat kepada UUM dan KEDA seperti penempatan pelajar praktikal dari UUM mahupun kajian serta program berimpak tinggi lainnya," ujarinya.

Sementara itu, Muhd Kameh berkata kerjasama dengan UUM ini diteruskan bagi melaksanakan gerak kerja yang lebih besar dalam pelbagai bidang.

"Kita memilih UUM kerana yakin dengan tenaga pengajar dan pelajar UUM khususnya untuk membangunkan kawasan luar bandar di negeri Kedah.

"Justeru melalui kerjasama ini diharap, UUM dapat membantu KEDA dalam pembangunan pengurusan, pertanian dan penyelidikan seterusnya memberi manfaat kepada penduduk-penduduk di wilayah KEDA," jelasnya.

Hadir sama Dekan STML, Prof. Madya Dr. Nor Hasni Osman; Timbalan Pengurus Besar (Operasi) KEDA, Ahmad Sukri Jusoh; Pegawai-pegawai Kanan KEDA dan Pegawai-pegawai Kanan UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.